

## **Pegawai AADK direman bantu siasat kes rasuah**

---

SYAMILAH ZULKIFLI

17 OKTOBER 2017



SEREMBAN – Seorang Ketua Unit Pencegahan Angensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) daerah Sepang direman selama tiga hari bermula hari ini bagi membantu siasatan dua kes rasuah melibatkan jumlah keseluruhan RM6,160.

Perintah reman berkenaan dikeluarkan Majistret Rahimah Rahim di Mahkamah Khas Reman Seremban pagi tadi.

Wanita berusia 34 tahun itu dilihat tiba di mahkamah kira-kira jam 10.30 pagi dibawa oleh Pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Sembilan sambil diiringi Pegawai Pendakwa SPRM, Mohd Khairi Abdul Karim.

Menurut sumber, pada April tahun lalu, wanita berusia 34 tahun itu didakwa telah mempengaruhi Ketua Daerah AADK Sepang bagi melantik syarikat milik abangnya melaksanakan kerja pembekalan dan perkhidmatan untuk program 'Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya' berjumlah RM5,160.

Manakala pada Mac tahun ini, dia telah melantik syarikat milik adiknya pula untuk melaksanakan kerja pembekalan bagi program Keluarga Bebas Dadah 'Family On Alert' – Pencegahan Bermula Dari Rumah berjumlah RM1,000.

Dia ditahan ketika hadir di pejabat SPRM di sini semalam bagi memberi keterangan kira-kira jam 3.22 petang.

Kes disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.